



CHE RAMI CHE DIN | BERITA HARIAN

SEMANGAT KENTAL: Ibrahim (tengah) memberi kata-kata perangsang kepada Hazman (kanan) dan Dzulhaizan pada majlis penyerahan tajaan dan sidang media UiTM Jelajah Dunia Bermotosikal 2007 di Shah Alam, semalam.

2 pelajar UiTM guna motosikal jelajah dunia

BH - 21/3/2007

Oleh Rafidah Mat Ruzki

SHAH ALAM: Selepas nama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dijulang beberapa pelajar terdahulu menerusi pelbagai ekspedisi, ia sekali lagi bakal melakar sejarah apabila dua pelajarnya memulakan ekspedisi Jelajah Dunia Bermotosikal, akhir bulan ini.

Ekspedisi membabitkan 17 negara dalam tempoh 124 hari itu akan disertai dua pelajar kursus Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Pengurusan Sistem Maklumat), Hazman Hussein, 22, dan Dzulhaizan Husin @ Lutpi, 26.

Antara negara yang dijelajah menggunakan motosikal berkuasa tinggi itu termasuk Thailand, Laos, China, India, Pakistan, Iran, Turki, Itali, Perancis, England, Amerika Syarikat dan Singapura.

Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah, berkata jelajah kedua-dua penuntut tahun akhir itu akan membabitkan jarak kira-kira 40,000 kilometer.

"Ekspedisi ini satu lagi usaha UiTM menempakan nama di pentas antarabangsa selepas kejayaan

“Ekspedisi ini satu lagi usaha UiTM menempakan nama di pentas antarabangsa selepas kejayaan menawan Puncak Everest dan Kutub Selatan pada 2004”

Ibrahim Abu Shah
Naib Canselor UiTM

menawan Puncak Everest dan Kutub Selatan pada 2004.

"Ia juga menunjukkan UiTM mampu melakukan yang luar biasa daripada biasa," katanya selepas merasmikan majlis penyerahan tajaan ekspedisi itu, di sini, semalam.

Selain dua pelajar UiTM terbabit, ekspedisi itu juga disertai seorang mekanik dan seorang paramedik yang menjadi penunjuk arah.

Ibrahim berkata, ekspedisi itu akan dilepaskan di Menara Kuala Lumpur pada 29 April ini oleh Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan dijangka berakhir di Dataran Merdeka pada 31 Ogos ini sempena sambutan kemerdekaan negara ke-50.

"Sultan Ahmad Shah adalah penaung diraja ekspedisi dan berkenan menyumbangkan RM140,000 bagi membeli dua motosikal jenis Aprilia Estrada 650 cc untuk digunakan dalam ekspedisi.

"Pada masa sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut bersetuju menjadi penaung ekspedisi.

"Ekspedisi itu dianggarkan membabitkan kos RM700,000 dan jika mereka tidak cukup wang, saya akan mengarahkan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Prof Dr Nasuddin Othman, mendapatkan penajaan," katanya.

Hazman berkata, mereka sudah menjalani beberapa siri latihan jelajah di Semenanjung termasuk ke Genting Highlands, untuk merasai perubahan cuaca sejuk yang mungkin terpaksa dihadapi sepanjang jelajah itu nanti.

Pengarah Projek ekspedisi itu, Wan Abdul Malek Wan Abdullah, berkata persiapan akhir termasuk menguruskan pasport dan visa dilakukan dengan bantuan Wisma Putra, selain memaklumkan kedutaan dan pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di negara dijelajahi.

